



KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

PTPTN LANCAR GANJARAN KESETIAAN SSPN-i 2021

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah melancarkan Ganjaran Kesetiaan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) pada kadar 1 peratus. Ganjaran Kesetiaan ini adalah hadiah istimewa dan tanda penghargaan PTPTN kepada pendeposit yang membuat simpanan dalam jangka masa panjang. Tahun ini merupakan tahun ketiga Ganjaran Kesetiaan diberikan kepada pendeposit setia SSPN-i.
2. Menurut Datuk Wan Saiful Wan Jan, Pengerusi PTPTN, Ganjaran Kesetiaan ini akan dinikmati pendeposit SSPN-i yang membuat simpanan terkumpul dalam tempoh promosi dengan jumlah minimum sebanyak RM500.00. Tempoh promosi bermula 24 Februari 2021 hingga 30 April 2021 dan layak disertai oleh pendeposit yang membuka akaun SSPN-i sebelum tahun 2018. Kepada pendeposit SSPN-i yang layak, rebutlah peluang keemasan ini.
3. Beliau melancarkan Ganjaran Kesetiaan SSPN-i 2021 dalam siaran *Facebook (FB) Live* di *PTPTNOfficial* pagi ini. Turut hadir, Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN. Ganjaran Kesetiaan SSPN-i yang diberikan sangat berbaloi sebagai pulangan tambahan selain dividen tahunan.
4. Tahun 2020 telah mencatat sejarah yang sangat membanggakan kepada PTPTN. Walaupun berdepan persekitaran ekonomi yang sukar akibat pandemik Covid-19, PTPTN telah berjaya memecah rekod baharu deposit dengan mencapai jumlah simpanan tertinggi pada tahun 2020 iaitu sebanyak RM1.99 bilion. Hasilnya, PTPTN terus konsisten memberikan dividen yang amat kompetitif berbanding institusi kewangan lain.
5. “Alhamdulillah, dividen SSPN bagi tahun 2020 telah diumumkan semalam yang mana sudah tentu ini merupakan berita gembira buat semua pendeposit SSPN. Banyak pihak yang terlibat dalam memastikan kita dapat mencapai pulangan ini dan saya hendak memberikan penghargaan khusus kepada semua para pegawai di PTPTN yang berusaha dengan begitu gigih sekali untuk memastikan kita boleh

memulangkan keuntungan ini kepada rakyat. Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan terutamanya kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Kementerian Kewangan yang memberikan kelulusan pemberian dividen tersebut. Pemberian dividen SSPN sebanyak 4 peratus diharapkan akan menjadikan SSPN sebagai pilihan utama untuk simpanan pendidikan anak-anak,” kata Datuk Wan Saiful.

6. Pendeposit SSPN boleh membuat semakan dividen di penyata SSPN masing-masing melalui portal rasmi www.ptptn.gov.my mulai 26 Februari 2021 (Jumaat).

7. Bagi tahun 2021, PTPTN telah menetapkan sasaran sebanyak RM1.8 bilion kutipan deposit SSPN. Penetapan sasaran ini berdasarkan pencapaian positif SSPN sepanjang tiga (3) tahun berturut-turut sejak 2018 dan dipacu dengan pelbagai langkah proaktif dari aspek pengoperasian, pelaburan, pemasaran dan komunikasi strategik yang telah dirancang dan akan dilaksanakan sepanjang tahun 2021 ini.

8. SSPN bukan sekadar simpanan biasa, malah menawarkan pelbagai keistimewaan kepada seisi keluarga. Ini termasuk pelepasan taksiran cukai sehingga RM8,000.00 setahun, Geran Sepadan sehingga RM10,000.00, pemberian dividen yang kompetitif dan paling menarik, SSPN turut menawarkan perlindungan takaful dan khairat kematian yang sekali gus membantu anak-anak meneruskan pengajian mereka sekiranya ibu bapa ditimpa musibah yang tidak diingini.

9. Oleh itu, jangan bertanggung lagi, mulakan simpanan hari ini bersama SSPN. Jadikan SSPN sebagai hadiah terindah dalam kehidupan anak-anak demi masa depan pendidikan yang terjamin. Pembukaan dan penambahan simpanan boleh dibuat dengan mudah secara atas talian di www.lovespnp.com.

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

24 Februari 2021